

NOVEMBER 2020



# cassia

■ KERJASAMA ■ HORMAT ■ INTEGRITI ■ DINAMISME ■ SEMANGAT



**Kejayaan Bukan Suatu Destinasi,  
Tapi Suatu Perjalanan**

# ■ NOTA GCEO

## Keputusan Kewangan Suku Ketiga 2020 FGV

Warga FGV sekalian,

Alhamdulillah, Kumpulan FGV telah mencapai keputusan kewangan suku ketiga yang positif dengan merekodkan keuntungan sebelum zakat dan cukai (PBZT) sebanyak RM173 juta. Trend menaik harga minyak sawit mentah merupakan antara faktor utama pencapaian kewangan yang lebih baik, di sebalik pelbagai cabaran pada tahun ini.

Sektor Perladangan merekodkan PBZT sebanyak RM239 juta dan turut menyaksikan pertambahan hasil, manakala kerugian Sektor Gula semakin berkurangan kepada RM56 juta berbanding RM220 juta pada suku yang sama tahun lalu. Sektor Logistik pula mencatat PBZT sebanyak RM18 juta.

Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada semua petugas yang terus bertungkus-lumus memastikan kejayaan Kumpulan



walaupun kita terus diuji dengan pelbagai rintangan.

Walaupun keputusan suku ketiga amat menggalakkan, ukuran sebenar adalah prestasi tahunan yang turut mengambil kira suku pertama yang lemah dan suku keempat yang masih belum berakhir.

Kita masih ada lebih kurang sebulan untuk berusaha mencapai sasaran mencatat keputusan keseluruhan yang positif. Kita tidak boleh leka dan terus bekerja keras untuk memastikan kejayaan yang diharapkan.

Kita mesti mengambil kesempatan dari harga minyak sawit mentah semasa yang baik serta memastikan kawalan kos dan produktiviti di tahap optimum.

Akhir kata, saya ingin mengingatkan semua petugas agar sentiasa menjaga keselamatan diri dan keluarga dengan amalan kebersihan diri dan mengelakkan dari mengunjungi tempat-tempat berisiko.

Marilah bersama-sama memainkan peranan untuk memutuskan rangkaian COVID-19 ini.

#KitajagaKita  
#MerdekaDariKemelut

Terima kasih.

*Dato' Haris Fadzilah Hassan  
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FGV Holdings Berhad*

1

BULAN

Kini tinggal SATU bulan lagi untuk kita berjuang sebelum tahun 2020 berakhir.

Mari kita bersama-sama berganding bahu meningkatkan lagi prestasi kerja demi kejayaan syarikat.

#MerdekaDariKemelut #BangkitDenganPRIDE





## GOGOPASAR – Pasar Runcit Dalam Talian

GOGOPASAR, sebuah pasar runcit e-dagang di Lembah Kelang, merupakan anak syarikat baharu di bawah FGV Integrated Farming Holdings Sdn Bhd. GOGOPASAR mempunyai pilihan terbaik barang-barang bekalan segar import dan langsung dari pembekal tempatan seperti sayur-sayuran, makanan laut, daging dan ayam melalui rangkaian pembekal yang luas, termasuk petani kontrak FGV. Bagi meluaskan perniagaan, GOGOPASAR turut memperkenalkan program Ejen Rumah dikenali sebagai 'Gogopreneur' yang memberi peluang untuk menjana pendapatan dalam waktu yang mencabar ini. Pengguna boleh layari [www.gogopasar.com](http://www.gogopasar.com) untuk membuat pembelian atau memuat turun aplikasi melalui Google Play Store.

## FGV Serah Zakat Perniagaan RM1.63 juta Kepada PPZ-MAIWP

Sejumlah RM1.6 juta telah diserahkan kepada Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP) sebagai zakat perniagaan kepada bagi tahun kewangan 2019 dengan peningkatan sebanyak RM1.2 juta berbanding tahun sebelumnya. FGV telah membayar RM6.8 juta keseluruhan zakat perniagaan kepada PPZ-MAIWP bagi tempoh lima tahun yang lalu. FGV juga merupakan antara tiga pembayar zakat perniagaan terbesar bagi syarikat senaraian awam bumiputera (BPLC) pada tahun 2018 dengan jumlah RM15.75 juta, 2016 (RM14.86 juta) dan 2015 (RM15.13 juta).



## 100% Kebolehkesanan Rantaian Bekalan TBS Boleh Dicapai Hujung 2021

Dengan pencapaian 81 peratus Kebolehkesanan ke Ladang (TTP) Tandan Buah Segar (TBS) sehingga kini, FGV berada di landasan untuk mencapai sasaran 100 peratus TTP pada suku keempat 2021. Inisiatif kebolehkesanan FGV adalah untuk memastikan bahawa sumber TBS tidak terlibat dengan penyahhutanan, penanaman tanah gambut dan pembakaran terbuka, selaras dengan Dasar Kelestarian Kumpulan (GSP) dan komitmen Tiada Penebangan Hutan, Tiada Tanah Gambut dan Tiada Eksplorasi (NDPE). Walaupun Kebolehkesanan Ke Kilang (TTM) FGV adalah 100 peratus, kebolehkesanan TBS ke ladang asal merupakan satu cabaran yang unik disebabkan oleh kerumitan rantaian bekalan dalam rangkaian bekalan TBS.

## India Beli Sejuta Benih Sawit FGV

Sehingga kini, FGV telah memperoleh tempahan untuk satu juta biji benih kelapa sawit untuk India dan mensasarkan jualan sebanyak 1.5 juta biji lagi pada tahun 2021 berikutan peningkatan permintaan biji benih sawit premium dalam pasaran India. Benih yang dijual adalah FGV Yangambi ML161, bahan tanaman kelapa sawit nombor satu dengan 43 peratus perkongsian pasaran di Malaysia. Pengeluaran biji benih tahunan FGV adalah berjumlah sebanyak 20 juta. Sejak dilancarkan dan dikomersialkan pada tahun 2002, FGV telah menjual sebanyak 400 juta biji benih, bersamaan dengan sekitar 2 juta hektar tanah yang ditanam. Semua bahan tanaman kelapa sawit FGV juga telah menerima kelulusan piawaian Malaysian Standard MS157: 2017.



# Bengkel Keselamatan Dan Kecemasan HSE



Walaupun Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) masih lagi berkuatkuasa, ini tidak menghalang Bahagian Kesihatan, Keselamatan & Alam Sekitar (HSE) Kumpulan FGV terus memberikan komitmen dengan penganjuran beberapa siri latihan dalam talian.

Antara yang menyertai bengkel ini ialah sukarelawan Pasukan Tindakan Kecemasan (ERT), ahli jawatankuasa keselamatan, kesihatan & alam sekitar dan pasukan bomba sukarela FGV. Yang menariknya, bengkel ini turut disertai oleh petugas-petugas yang berminat, yang bukan sahaja dari

Wisma FGV, malah dari FGVIC Bandar Enstek serta PPPTR.

Antara topik latihan yang dijalankan ialah:

- i. Safety Line of Fire (3 November)
- ii. Pemeriksaan Keselamatan Tempat Kerja (12 November)
- iii. Asas Komunikasi Radio (18 November)
- iv. Asas Keselamatan & Melawan Kebakaran (26 November)

Selain itu, kursus pengenalan untuk Pasukan Bomba Sukarela juga diadakan pada 5 November, selaras

dengan pengambilan anggota baru.

Siri latihan ini tidak terhad kepada pengurusan kecemasan, tetapi turut meningkatkan pengetahuan ahli dengan pendedahan kepada punca-punca bahaya (*hazard*) yang tidak disedari secara langsung seperti *line of fire*.

Pihak HSE berharap dapat memperluaskan lagi penganjuran bengkel-bengkel seperti ini kepada semua petugas-petugas keselamatan dan kesihatan Kumpulan FGV di seluruh negara pada masa akan datang.

kini boleh didapati di

**GOGOPASAR**



# Kemaskini Maklumat Peribadi Dan Tanggungan

Petugas adalah bertanggungjawab bagi urusan kemaskini maklumat berikut:



**01**

## Maklumat peribadi

Nama, nombor kad pengenalan, emel dan nombor telefon untuk dihubungi

**02**

## Maklumat pasangan

Bagi status berkahwin / bercerai / kematian dan lain-lain

**03**

## Maklumat tanggungan (pasangan dan anak)

Bagi perubahan atau pertambahan maklumat tanggungan status pengajian bagi anak yang masih belajar

Kegagalan untuk mengemaskini maklumat boleh memberi implikasi seperti berikut:

**01**

Tiada peruntukan manfaat berkaitan pasangan, tanggungan atau lain-lain yang berkaitan

**02**

Penamatan rawatan perubatan bagi anak yang mencecah umur 18 tahun



## Suara Warga FGV

### Pengalaman Bekerja Dari Rumah (BDR)



BDR memberi saya peluang memantau anak-anak dengan lebih berkesan. Yang penting adalah disiplin diri. Ketika saya bekerja, saya pastikan mereka turut belajar. Kadang kala terdapat kekangan internet dan masalah untuk berhubung. Walau bagaimanapun, ianya tidak menghalang saya untuk menyiapkan tugas. - *Anna Baizura Mispani, FGVAS*



Saya rindukan suasana bekerja dari pejabat tetapi krisis ini adalah pandemik global dan kita semua perlu memainkan peranan untuk menghentikan wabak COVID-19 ini. Semoga wabak ini cepat berakhir dan kita boleh kembali bekerja di pejabat. - *Muhammad Hilmee Abdul Rahman, FGVH*



BDR sangat berkesan dalam mengekang penularan COVID-19. Pada mulanya memang janggal kerana kita perlu membiasakan diri dengan suasana yang baru tetapi lama kelamaan ianya lebih berkesan kerana banyak teknologi masa kini yang membantu kita berhubung antara satu sama lain. - *Muhammad Firdaus Abd Rashid, MSM Malaysia Holdings Berhad*



Saya melihat BDR secara positif di mana tugas dapat diteruskan dalam keadaan lebih selamat. Cabaran utama apabila menghadiri mesyuarat dalam talian kerana anak yang berusia tiga bulan turut memerlukan perhatian. Namun saya memandang cabaran ini sebagai satu norma baharu dan memastikan prestasi kerja tidak terjejas. BDR memberi peluang dan membuktikan kita semua mampu menghasilkan kerja yang berkualiti serta menepati masa seperti bekerja di pejabat sebagaimana yang diamanahkan oleh syarikat. - *Intan Safinaz Rosli, FGVP*



Sejak BDR, kesesakan lalu lintas bukan lagi menjadi punca stres terutamanya mereka yang berada di Kuala Lumpur. BDR memberi saya peluang untuk lebih fokus menyelesaikan tugas. Saya juga dapat meluangkan masa untuk berkebun pada sebelah petang kerana sebelumnya saya hanya sampai ke rumah pada waktu malam. - *Nurliyana Ab Latip, FGVH*

# Wira FGV

## Rezeki Di Perantauan

Tidak dapat dinafikan bahawa industri sawit amat bergantung kepada tenaga manusia yang menjalankan pelbagai kerja ladang seperti menanam, membaja sehingga menuai buah segar.

Hakikatnya, syarikat amat memerlukan tenaga kerja asing untuk bekerja di ladang kerana rakyat Malaysia kurang berminat untuk menyertai industri ini, walaupun pekerja ditawarkan pelbagai insentif. FGV menggaji lebih kurang 30,000 pekerja asing untuk bekerja di ladang-ladang di seluruh negara.

Panas atau hujan, pekerja ladang yang kebanyakannya dari Indonesia, Bangladesh dan India, perlu menurunkan hasil untuk mencapai sasaran yang telah ditetapkan. Berbekalkan tulang empat kerat, keringat mereka membasahi bumi demi mencari rezeki.

Seawal 5.45 pagi sehingga 6.30 pagi, pekerja-pekerja ini akan berhimpun di pejabat ladang untuk *roll call* atau sesi mengambil kedatangan. Taklimat diberikan dan selepas itu masing-masing bergerak ke kawasan kerja yang ditetapkan.

Alah bisa tegal biasa, pekerjaan susah menjadi rutin harian yang perlu dilakukan walaupun kerja mereka dikategorikan sebagai kotor, sukar dan bahaya (3D - *dirty, dangerous and difficult*). Oleh itu amat penting bagi syarikat memastikan keselamatan mereka terjamin dengan pematuhan kepada peraturan dan alat pelindung keselamatan (PPE).

Usai bekerja mereka kembali ke asrama atau rumah masing-masing untuk merehatkan diri. Pelbagai usaha dilaksanakan untuk memastikan keselesaan dan kebajikan pekerja-pekerja ini terjamin. Antara usaha-usaha yang baharu dilakukan adalah memastikan setiap kawasan mempunyai kedai runcit, rumah ibadat, padang rekreasi, kebun sayur dan pelbagai kemudahan lagi.

Selari dengan undang-undang hak asasi manusia dan piawaian buruh, mereka perlu merasa bebas dan menerima layanan yang sama seperti pekerja-pekerja tempatan.

FGV telah pun menyatakan komitmennya terhadap pengambilan pekerja asing secara bertanggungjawab dan secara berterusan mengambil langkah-langkah positif menambah baik kemudahan, demi produktiviti dan masa depan syarikat.



# Resipi Pilihan

## Ayam Goreng Berempah



#rakansaji

Masak apa hari ini? Sedap juga kalau makan nasi putih panas-panas dengan ayam goreng berempah kan?

**Bahan-bahan:**

1/2 ekor ayam (potong ikut cara masing-masing)  
2 tangkai daun kari  
sebijji telur saiz kecil  
3 sdm tepung jagung  
1 sdm tepung beras  
1/2 sdk jintan manis  
1/2 sdk serbuk jintan manis  
1 sdk serbuk jintan putih  
1 sdm serbuk ketumbar  
1 sdk serbuk kunyit  
2 sdm serbuk kari  
1 sdm serbuk cili  
1/2 sdk serbuk lada putih  
Garam dan gula secukupnya  
Minyak masak SAJI

**Bahan Kisar:**

1 biji bawang Bombay  
4 ulas bawang putih  
5 tangkai cili kering  
1 inci halia  
Sedikit lengkuas  
3 batang serai  
\* Kisar dengan menggunakan sedikit air.

**Cara membuat:**

1. Satukan kesemua bahan-bahan. Perap selama tiga jam. Untuk hasil yang terbaik, perap semalam dalam peti sejuk.
2. Kemudian bolehlah digoreng dengan menggunakan minyak masak SAJI.

#ProdukKeluaranFGV  
#SAJIdiHati  
#RakanSAJI

## TAHNIAH PEMENANG PERADUAN 'My Home Garden'



Rozana Mohd So'od  
FGV SSC



Mawaddah Shamon  
FGV SSC



Mohamad Ikmal  
Kilang Sawit FGV Maokil



Harmasiah Nurdin  
FGVAS (Sabah)



Norabibah Kusnin  
FGV R&D

\* Para pemenang akan dihubungi oleh Bahagian Komunikasi Strategik Kumpulan

## ■ KSFGV

### Datuk Wira Azhar Penaung KSFGV



Pengerusi FGV Holdings Berhad, Datuk Wira Azhar Abdul Hamid menerima lantikan Kelab Sukan FGV sebagai Penaung kelab tersebut.

Azhar menyatakan persetujuan untuk menjadi Penaung KSFGV seperti mana yang telah dipersejui oleh mesyuarat ahli jawatankuasa penaja pada awal Mac.

"KSFGV amat berbesar hati di atas persetujuan Pengerusi FGV menjadi penaung kelab yang ditubuhkan khas untuk semua petugas-petugas FGV di seluruh negara," ujar Muhammad Najib Abdul Manan, Pengerusi KSFGV.

Walaupun KSFGV tidak dapat bergerak aktif buat masa ini akibat kekangan COVID-19, usaha giat dijalankan untuk menambah keahlian.

Aktiviti KSFGV tidak terhad kepada acara sukan sahaja, malah aktiviti riadah dan rekreasi akan turut dianjurkan.



### ■ #THROWBACK TRAVELOG Pantai Tenang, Lundu Setenang Namanya

Percutian keluarga di hujung minggu di pantai Tenang, Lundu Sarawak bersama keluarga tercinta dapat melupakan seketika stres bebanan kerja dan sebagai terapi minda di samping mengeratkan ikatan kasih sayang bersama.

Hilang masalah seketika apabila mendengar deruan ombak membadi daratan.

Hati puas melihat si adik berlari mengejar buih-buih ombak, berlari di atas pasir bersih dan mendamaikan.

Anda mempunyai pengalaman yang menarik semasa percutian? Destinasi yang tidak dapat dilupakan? Jom berkongsi dengan kami! Karya daripada petugas FGV akan diterbitkan pada setiap keluaran edisi Cassia.

#### **SYARAT-SYARAT PENYERTAAN**


1. Penulisan haruslah disertakan bersama foto bersaiz tidak kurang dari 2MB.
2. Penulisan anda haruslah tidak melebihi 250 patah perkataan.

Anda boleh menghantar karya travelog anda ke [groupstrategiccomms@fgvholdings.com](mailto:groupstrategiccomms@fgvholdings.com)

Tarikh tutup:  
31 Disember 2020



# Peraduan Memasak DUTA FGV



## SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

1. Terbuka kepada semua petugas syarikat Kumpulan FGV termasuk anak-anak syarikat, syarikat bersekutu dan syarikat usahasama.
2. Pilih resipi hidangan pembuka, hidangan utama atau manisan.
3. Rakam video memasak yang kreatif berdurasi satu minit menampilkan bahan-bahan yang digunakan, langkah-langkah memasak dan hasilnya. Pastikan juga anda berada di dalam video tersebut.
4. Setiap resipi mesti menggunakan sekurang-kurangnya tiga bahan keluaran produk Kumpulan FGV.
5. Hantarkan sekali resipi masakan tersebut.
6. Peserta boleh menghantar lebih dari satu penyertaan.

Hantarkan video anda ke [groupstrategiccomms@fgvholdings.com](mailto:groupstrategiccomms@fgvholdings.com)  
atau WhatsApp kepada 019-200 4600

Tarikh tutup penyertaan: 15 Januari 2021

#jombeliprodukFGV #sayadutaFGV #bangkitdenganPRIDE



# Peraduan Memasak DUTA FGV

## HADIAH-HADIAH MENARIK BAKAL DIMENANGI

**PERTAMA**  
bernilai  
**RM1,000**

**KEDUA**  
bernilai  
**RM600**

**KETIGA**  
bernilai  
**RM400**

**20**  
**HADIAH**  
**SAGUHATI** bernilai  
RM80 setiap seorang



Kategori  
Manisan

**HADIAH ISTIMEWA**

Kategori  
Resipi Paling Unik

Kategori  
Resipi Paling Popular

Hadiah-hadiah barang tajaan Delima Oil Products Sdn Bhd,  
MSM Malaysia Holdings Bhd, Felda Travel Sdn Bhd dan  
FGV Integrated Farming Holdings Sdn Bhd



TERBITAN  
Komunikasi Strategik Kumpulan

FGV Holdings Berhad NO 200701042133 (800165-P)  
Aras 20, Wisma FGV, Jalan Raja Laut  
50350 Kuala Lumpur, Malaysia

Petugas Kumpulan FGV dialu-alukan untuk menyumbang artikel kepada CASSIA melalui [groupstrategiccomms@fgvholdings.com](mailto:groupstrategiccomms@fgvholdings.com)

